



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: 'Macau Scam' perdaya pekerja kedai buku
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 23 December 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

'Macau Scam' perdaya pekerja kedai buku

Mangsa kerugian RM50,400 dalam kejadian antara 7 dan 17 Disember lalu: Mustafa

Dleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Seorang pekerja kedai buku di sini kerugian RM50,400 setelah menjadi mangsa penipuan sindiket 'Macau Scam' dalam kejadian antara 7 dan 17 Disember lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Ghani berkata, laporan polis berhubung kejadian itu diterima pada 21 Disember.

Katanya, mangsa seorang lelaki berumur 34 tahun yang merupakan pekerja kedai buku di sini pada mulanya menerima panggilan telefon pada 7 Disember daripada seorang wanita yang memper-



MUSTAFA

kenalkan diri sebagai 'Cindy Wong' kononnya dari Jabatan Kastam Pulau Pinang.

"Wanita itu mengatakan kedai mangsa ada berhutang

“Wanita itu mengatakan kedai mangsa ada berhutang GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) sebanyak RM51,076 tetapi mangsa menafikannya.”

Superintenden Mustafa Kamal Ghani
Ketua JSJK Sarawak

GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) sebanyak RM51,076 tetapi mangsa menafikannya,” ujarnya dalam kenyataan semalam.

Kemudian katanya, talian telefon disambungkan kepada IPK (Ibu Pejabat Polis Kontinjen) Pulau Pinang dan mangsa telah bercakap seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Sarjan Liew.'

“Mangsa mengatakan syari-

kat tersebut bukan miliknya, tetapi Sarjan Liew memberitahu mangsa terlibat dengan kes dadah dan rakan kongsi bersama 'Ong' yang telah ditangkap,” ujarnya.

Beliau berkata, mangsa mendakwa diminta untuk mengeluarkan wang sebanyak RM500,000 untuk menyelesaikan kes 'Ong' dan mangsa telah diarahkan untuk mencari wang bagi menyelesaikan kes

itu dengan memasukkan wang ke dalam akaun yang diberikan Sarjan Liew.

Seterusnya katanya, mangsa telah memasukkan wang berjumlah RM50,400 melalui empat kali transaksi ke dalam tiga akaun bank berbeza mulai 7 Disember hingga 17 Disember 2018.

“Setelah wang dimasukkan, mangsa diminta merahsiakan perkara itu dan diarah agar tidak memberitahu sesiapa,” katanya.

Bagaimanapun katanya, mangsa akhirnya menyedari dirinya ditipu, malah menurut majikan mangsa, semakan melalui Google ke atas nombor telefon itu mendapati ia tersenarai dalam senarai nombor penipuan.